



جَمْعِيَّةُ الْعُلَمَاءِ وَالمُدرِّسِيْنَ الدِّينِ اِسْلَامِيَّةٌ بِسِنْجَاپُورَة

Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura)  
Singapore Islamic Scholars & Religious Teachers Association

## KENYATAAN MEDIA

19 September 2018

### PERGAS TIDAK MENYOKONG DAN MENOLAK USULAN PEMANSUHAN SEKSYEN 377A AKTA KANUN KESEKSAAN

Merujuk kepada pelbagai liputan media mengenai pengkelan ataupun pemansuhan seksyen 377A.

2 Dalam hal ini, sebagai organisasi yang mewakili para ulama dan asatizah di Singapura, Pergas tidak bersetuju dan menolak usulan pemansuhan atau pindaan bagi seksyen 377A Kanun Keseksaan sedia ada. Pendirian ini bukan sahaja berdasarkan pandangan agama, tetapi juga atas dasar keprihatinan moral dan sosial yang mempunyai kesan bukan sahaja kepada institusi kekeluargaan tetapi juga terhadap masyarakat umumnya.

3 Pemansuhan akta ini memberikan beberapa implikasi yang membimbangkan. Antaranya ia menjejaskan serta mengancam kepentingan unit keluarga tradisional, selain turut menafikan teras institusi kekeluargaan yang merupakan asas bagi sesebuah masyarakat. Menurut prinsip maqasid atau objektif syariah, pembentukan keluarga bertujuan untuk melahirkan generasi baru dan memelihara kewujudan manusia. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, Islam memberi perhatian terhadap pembinaan sebuah keluarga melalui pernikahan yang sah di antara seorang lelaki dan wanita.

Firman Allah s.w.t di dalam surah al-Syura ayat 11:

فَاطِرُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَامِ أَزْوَاجًا يَذُرُّكُمْ فِيهِ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Ertinya: “(Allah) Pencipta langit dan bumi. Dia menjadikan bagi kamu dari jenis kamu sendiri pasangan-pasangan, dan dari jenis binatang ternak pasangan-pasangan pula, dijadikan-Nya kamu berkembang biak dengan cara itu. Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dia yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

4 Implikasi buruk bagi pemansuhan akta yang sama juga, bermakna ia juga turut mengesahkan serta menggalakkan selain menormalisasikan gaya hidup LGBTQ. Perkara ini adalah jelas bertentangan dengan dasar kekeluargaan pemerintah bagi membina masyarakat yang kukuh. Bahkan ia tidak selari dengan pandangan majoriti yang masih berpegang kepada nilai kekeluargaan tradisional. Ini berdasarkan laporan tinjauan Ipsos yang mendapati hanya 12% menolak seksyen 377A. Ia juga bakal menimbulkan kebingungan bagi generasi muda tentang nilai dan moral kekeluargaan. Pergas juga merasakan melalui pemansuhan ini, ia akan lebih menjejaskan kadar populasi masyarakat Singapura yang merupakan antara kebimbangan utama pemerintah pada masa kini.

5 Dalam masa yang sama, Pergas juga menggesa masyarakat untuk menerapkan dasar-dasar kemanusiaan yang diajarkan agama Islam di dalam perhubungan sesama manusia. Hubungan kita bersama golongan LGBTQ seperti mana golongan lain perlulah didasari dengan rahmah dan mengingini kebaikan buat mereka.

6 Dengan itu, kita tidak seharusnya menyisihkan, meminggirkan mahupun menghina mereka. Sebaliknya, Pergas mengajak masyarakat Islam untuk mendampingi dan memberi sokongan agar mereka kembali ke ajaran sebenar agama Islam sesuai dengan ajaran Al-Quran di dalam surah Al-‘Asr ayat 3:

وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝

Ertinya: “Mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.”

7 Pergas juga berharap agar masyarakat Islam terutamanya dapat menjaga adab dan berlaku hikmah di dalam membincangkan isu ini. Elakkan dari penghinaan mahupun merendahkan golongan ini. Dalam menyuarakan aspirasi dan menyatakan pandangan, Pergas berharap agar kita dapat sama-sama menyebarkan ruh Islam yang menitik beratkan keperibadian mulia. Firman Allah s.w.t. di dalam surah Al-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ  
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ۝١٢٥

Ertinya: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

8 Akhir sekali, Pergas juga menasihati individu yang sedang menghadapi isu seksualiti untuk mendapatkan panduan agama daripada asatizah dan kaunselor bertauliah yang berpegang kepada prinsip agama Islam. Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Nahl ayat 43:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ۝٤٣

Ertinya: “Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.”

## **PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)**